



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**6 FEBRUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,285 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 252,930 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 328 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 241,031 orang. Manakala 1,324 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 635 orang di hospital, 683 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 29 orang merangkumi 24 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan tujuh (7) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 26 (26.26%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran dan Tambunan berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah.
  - Zon Kuning tiga (3) daerah.
  - Zon Jingga dua (2) daerah.
  - Zon Merah 21 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Seperti yang dijangka, jumlah kes baharu di Sabah terus meningkat pada kadar yang tinggi. Hari ini jumlah kes baharu ialah 1,285 kes, 80 kes lebih tinggi daripada kelmarin.
- b. Punca pertambahan kes harian yang tinggi disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor yang jelas ialah virus COVID-19 sudah bertapak secara meluas dalam komuniti dan ini memudah kadar perebakan dan jangkitan dengan lebih cepat. Sebanyak 47.55% jangkitan baharu hari ini berlaku secara sporadik dan hanya disedari apabila pesakit mengalami gejala jangkitan COVID-19 . Ini lah kategori pesakit yang di perolehi melalui Saringan Bergejala. Jumlah kategori ini lebih tinggi daripada jumlah pesakit yang merupakan Kontak Rapat kepada kes indeks (45.37%). Adalah juga diperhatikan bahawa peratusan kes-kes melalui saringan bergejala adalah tinggi di kawasan perbandaran. Sebagai misalan, hampir 50% daripada kes-kes baharu di Kota Kinabalu adalah daripada kategori Saringan Bergejala.
- c. Faktor kedua yang menyumbang kepada jumlah kes yang tinggi ialah sikap cuai atau ‘tidak peduli’ kepada pematuhan SOP samada semasa berkumpul dengan kawan-kawan atau semasa berada di khalayak ramai. Sebagai misalan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal sudah semakin longgar. Sikap cuai ini memudahkan jangkitan dan seterusnya menambah bilangan pesakit baharu.
- d. Tertakluk kepada pengesahan JKNS, jumlah kes-kes baharu yang melambung tinggi sejak seminggu ini berkemungkinan juga disebabkan oleh Omicron, varian yang lebih cepat merebak walaupun gejala jangkitan lebih ringan daripada varian lain. Kadar perebakan Varian B2 Omicron yang merupakan varian dominan di negara jiran Filipina adalah 1.8 lebih cepat daripada varian biasa. Varian yang sama juga mengakibatkan peningkatan kes yang tinggi di Singapura dan di banyak negara di dunia.

- e. Terdapat empat (4) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka dengan Kota Kinabalu melepas paras angka 300 iaitu 309 kes (+96), diikuti oleh Sandakan 201 kes (-29), Tuaran 150 kes (+37) dan Penampang 108 kes (-5) kes. Sejumlah 14 daerah lain mencatatkan kes dua (2) angka, enam (6) daerah dengan satu (1) angka dan cuma tiga (3) daerah tidak mencatatkan sebarang jangkitan baru.
- f. Sejumlah 1,276 kes dari 1,285 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat lima (5) kes dalam Kategori 3, tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (583) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## **ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	18	1.40%
2	Kontak	583	45.37%
3	Bergejala	611	47.55%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	73	5.682%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,285</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (05 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 5/02/2022	Catatan Kes 6/02/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	213	309	+96
2	Tuaran	113	150	+37
3	Tawau	52	78	+26
4	Kuala Penyu	14	34	+20
5	Kunak	17	34	+17
6	Tambunan	1	18	+17
7	Putatan	23	36	+13
8	Tenom	3	10	+7
3	Keningau	12	18	+6
10	Kudat	9	13	+4
11	Lahad Datu	53	56	+3
12	Beluran	4	7	+3
13	Kinabatangan	6	8	+2
14	Pitas	1	3	+2
15	Kalabakan	0	0	Mendatar
16	Beaufort	62	19	-43
17	Kota Marudu	74	33	-41
18	Sandakan	230	201	-29
19	Ranau	55	34	-21
20	Kota Belud	33	19	-14
21	Sipitang	11	3	-8
22	Penampang	113	108	-5
23	Papar	84	79	-5
24	Nabawan	3	0	-3
25	Telupid	8	6	-2
26	Tongod	1	0	-1
27	Semporna	10	9	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>1,205</b>	<b>1,285</b>	<b>+80</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	138	154	0	17	309	1,244
Sandakan	0	67	128	0	6	201	1,277
Tuaran	1	85	53	0	11	150	792
Penampang	2	51	54	0	1	108	701
Papar	0	42	35	0	2	79	365
Tawau	15	22	23	0	18	78	413
Lahad Datu	0	22	30	0	4	56	265
Putatan	0	15	21	0	0	36	234
Ranau	0	6	25	0	3	34	269
Kunak	0	28	6	0	0	34	91
Kuala Penyu	0	32	2	0	0	34	97
Kota Marudu	0	18	13	0	2	33	356
Beaufort	0	8	11	0	0	19	351
Kota Belud	0	8	10	0	1	19	176
Keningau	0	11	7	0	0	18	98
Tambunan	0	16	2	0	0	18	52
Kudat	0	3	8	0	2	13	67
Tenom	0	3	7	0	0	10	47
Semporna	0	0	7	0	2	9	65
Kinabatangan	0	1	4	0	3	8	68
Beluran	0	3	3	0	1	7	41
Telupid	0	3	3	0	0	6	40
Sipitang	0	0	3	0	0	3	31
Pitas	0	1	2	0	0	3	15
Nabawan	0	0	0	0	0	0	6
Tongod	0	0	0	0	0	0	3
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>	<b>583</b>	<b>611</b>	<b>0</b>	<b>73</b>	<b>1285</b>	<b>7,164</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Lorong Api-API	1
Penampang	Kluster Kg Weston	2
Tawau	Kluster Jalan Sri Balung	1
	Kluster Jalan Apas Batu Lima	14
<b>Jumlah</b>		<b>18</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,797 unit

- Hospital 1,228 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,379 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 34.87%.

**B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 6 FEBRUARI 2022**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	1,275
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
<b>Jumlah</b>	<b>1,285</b>

<b>Import A (Jangkitan Luar Malaysia)</b>	
Emiriah Arab Bersatu	1
Turki	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

<b>Import B (Jangkitan Luar Sabah)</b>	
WP Kuala Lumpur	2
WP Labuan	1
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	1,245
Bukan Malaysia	40
<b>Jumlah</b>	<b>1,285</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	61
Belum Menerima Vaksin (5-11)	90
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	81
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	838
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	214
<b>Jumlah</b>	<b>1,285</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	12
1 to 5	49
6 to 11	90
12 to 17	118
18 to 25	200
26 to 59	714
>60	102
<b>Jumlah</b>	<b>1,285</b>

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 05 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,977. Daripada jumlah ini, seramai 2,572 orang adalah penduduk dewasa, 58 orang adalah penduduk remaja 347 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 05 Februari 2022 adalah seramai 2,455,246 orang. Ini meliputi 2,117,282 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.76% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,410,781 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,745 orang atau 76.05% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,406 orang atau 77.74% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,036 atau 72.13% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 558 atau 0.13% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **680,105** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak 22 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan PDRM di seluruh Sabah.
  - 22 Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 170 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 64 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,027 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini..
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 454 premis perniagaan dan 10, 141 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 207 Premis Perniagaan melibatkan 98 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 80 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 80 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	98.3%
2	Keningau	98.3%
3	Kunak	98.2%
4	Semporna	98.2%
5	Sipitang	98.2%
6	Kota Belud	98.2%
7	Kinabatangan	98.1%
8	Ranau	98.1%
9	Kudat	98%
10	Kota Kinabalu	97.9%
11	Tenom	97.9%
12	Beaufort	97.8%
13	Kota Marudu	97.8%
14	Tuaran	97.8%
15	Tawau	97.8%
16	Papar	97.8%
17	Sandakan	97.8%
18	Penampang	97.7%
19	Lahad Datu	97.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**